



KERAJAAN MALAYSIA

**Bayaran Kepada Kerajaan Negeri Kerana
Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Di
Dalam Melaksanakan Projek-Projek
Persekutuan**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PENGURUSAN PERBELANJAAN AWAM

PB 3.2 Bayaran Kepada Kerajaan Negeri Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Di Dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan

1. Tujuan.....	2
2. Latar Belakang.....	2
3. Huraian Mengenai Bayaran.....	3
4. Cara Bayaran.....	3
5. Tarikh Kuat Kuasa.....	4
6. Pembatalan.....	4

PENGURUSAN PERBELANJAAN AWAM

PB 3.2 BAYARAN KEPADA KERAJAAN NEGERI KERANA PENGLIBATAN KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI DI DALAM MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PERSEKUTUAN

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan keputusan Kerajaan Persekutuan mengenai pembayaran sebanyak 10% (negeri-negeri di Semenanjung) dan 12% (Sabah dan Sarawak) daripada kos pembinaan satu-satu projek Persekutuan kepada Kerajaan Negeri jika kakitangan Kerajaan Negeri terlibat di dalam melaksanakan projek tersebut.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan Persekutuan seringkali melibatkan penggunaan sumber-sumber dari Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, adakalanya pelaksanaan projek-projek Persekutuan ini turut melibatkan penggunaan kakitangan Kerajaan-kerajaan Negeri.

- 2.2 Bagi menampung kos penglibatan sumber dan kakitangan Kerajaan-kerajaan Negeri, maka Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk membayar ganjaran terhadap penglibatan tersebut. Majlis Kewangan Negara yang bermesyuarat pada 28 Januari 1978 telah membuat keputusan seperti berikut:

“Kerajaan Persekutuan bersetuju membayar 5% daripada kos sesuatu projek Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri apabila kakitangan Kerajaan Negeri terlibat dalam melaksanakan projek-projek itu. Walau bagaimanapun, bayaran ini hanya terhad kepada kos pembinaan (*construction cost*) projek-projek itu sahaja”.

- 2.3 Walau bagaimanapun, Majlis Kewangan Negara yang bermesyuarat pada 25 Ogos 2009 telah membuat keputusan untuk meminda kadar bayaran tersebut seperti berikut:

“Kerajaan Persekutuan bersetuju membayar 10% daripada kos sesuatu projek Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri di Semenanjung dan 12% bagi Sabah dan Sarawak apabila kakitangan Kerajaan Negeri terlibat dalam melaksanakan projek-projek itu. Walau bagaimanapun, bayaran ini hanya terhad kepada kos pembinaan (*construction cost*) projek-projek itu sahaja”

3. HURAIAN MENGENAI BAYARAN INI

3.1 Bayaran ini hendaklah dibuat di dalam keadaan seperti berikut:

3.1.1 Apabila dipastikan bahawa kakitangan Kerajaan Negeri telah terlibat di dalam mengawasi pelaksanaan projek-projek Persekutuan. Walau bagaimanapun, penglibatan yang dimaksudkan ini adalah untuk peringkat pembinaan projek-projek yang berkenaan sahaja;

3.1.2 Penglibatan ini adalah bagi projek-projek Persekutuan sahaja dan tidak termasuk penglibatan di dalam melaksanakan projek-projek yang dibiayai secara imbuhan atau projek-projek negeri yang dibiayai dari pinjaman Kerajaan Persekutuan;

3.1.3 Jumlah bayaran ialah sebanyak 10% (negeri-negeri di Semenanjung) dan 12% (Sabah dan Sarawak) daripada kos yang dibelanjakan bagi pembinaan projek tersebut dalam tahun berkenaan, tertakluk tidak melebihi siling kos projek.

3.1.4 Kos pembinaan adalah ditakrifkan sebagai kos projek yang tidak termasuk komponen-komponen berikut:

- (a) Kos tanah;
- (b) Sukat tanah;
- (c) Penyiasatan tanah;
- (d) Alat-alat kelengkapan (bagi bangunan);
- (e) Gaji/ elaun yang dibayar di bawah peruntukan projek; dan
- (f) Bayaran juru perunding.

4. CARA BAYARAN

4.1 Kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah mengemukakan penyata perbelanjaan projek-projek Persekutuan yang layak menerima bayaran seperti dalam lampiran berkembar. Senarai ini hendaklah terlebih dahulu disahkan oleh Agensi Pelaksana Kerajaan dan juga oleh Pegawai Kewangan Negeri atau Pegawai-pegawai di bawah jagaannya sebelum diedarkan kepada Perbendaharaan.

4.2 Pembayaran terhadap tuntutan bagi sesuatu tahun akan dibuat di dalam tahun berikutnya.

5. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Jun 2016.

6. PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perbendaharaan PB 3.2: “Bayaran Kepada Kerajaan Negeri Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Di Dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan” ini, maka Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 17 Tahun 1979 dan Surat Pindaan Pekeliling Perbendaharaan bertarikh 27 November 1979 adalah dibatalkan.

Bayaran Perkhidmatan

Kepala/Pecahan Kepala Persekutuan	Nama Projek seperti Yang Diluluskan	No. Kontrak	Nilai Kontrak		Bayaran Kemajuan		Kos Pembinaan		Kadar Penglibatan kakitangan Negeri	Kos Perkhidmatan 10%
			Asal	Termasuk Semua Perubahan Kerja Sehingga Tahun Tuntutan	Dalam Tahun Perbelanjaan	Terkumpul Sehingga tahun Tuntutan	Dalam Tahun Tuntutan	Terkumpul Sehingga tahun tuntutan		
			(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)		

Rujukan: 1PP PB 3.2: "Bayaran Kepada Kerajaan Negeri Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Di Dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan"